

## HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

### Pelanggan yang dihormati,

Helaian Maklumat Produk (HMP) ini memberikan anda maklumat utama mengenai Akaun Simpanan Komoditi Murabahah (CM SA).

Pelanggan lain telah membaca HMP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**



MAYBANK ISLAMIC BERHAD

22/04/2026

### Apakah Akaun Simpanan Komoditi Murabahah?

Akaun Simpanan Komoditi Murabahah (CM SA) ialah akaun simpanan berasaskan kontrak Syariah Komoditi Murabahah. Akaun simpanan merujuk kepada produk deposit tanpa kemudahan cek.

Produk deposit berikut dikategorikan di bawah CM SA:

1. Basic Savings Account-i	2. Savings Account-i
3. Yippie-i	4. imteen-i
5. Personal Savers-i (termasuk sub-akaunnya, Flexi Savers-i)	6. Maybank2u Savers-i
7. Premier Account-i	

### Konsep Syariah yang digunakan:

Konsep Syariah yang diguna pakai ialah Komoditi Murabahah. Aset tertentu, yang dipilih berdasarkan budi bicara Bank, akan digunakan sebagai aset pendasar bagi transaksi jual beli antara Bank dan Pelanggan. Bagi tujuan perdagangan Komoditi Murabahah, Bank akan pada setiap masa bertindak sebagai ejen bukan eksklusif anda untuk melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah berkaitan penempatan tersebut. Komoditi yang terlibat dalam transaksi Komoditi Murabahah adalah boleh diserahkan secara fizikal. Semua kos yang berkaitan dengan penyerahan fizikal komoditi tersebut hendaklah ditanggung oleh Pelanggan. **CM SA dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

### Fahami Tanggungjawab Anda

1. Apakah yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk ini?

Fi & Caj	Amaun
Penggantian Kad ATM	RM12
Pengeluaran tunai di ATM melalui MEPs	RM1 setiap transaksi
Penggantian buku simpanan yang hilang	RM15 termasuk duti setem
Penggantian buku simpanan akibat kecuaiian pengendalian	RM10
Penutupan awal akaun dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan akaun	RM20
Pemegang akaun Maybank2u Savers-i akan dikenakan caj bagi urusan niaga kaunter yang turut tersedia secara dalam talian	RM5

Sila rujuk kepada [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk fi dan caj perbankan lain.

2. Apakah tanggungjawab lain yang perlu saya ambil maklum?

- Segera maklumkan kepada Bank sekiranya terdapat sebarang transaksi yang tidak dibenarkan atau mencurigakan dalam akaun perbankan anda.
- Sila maklumkan kepada kami segera sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat perhubungan untuk memastikan komunikasi tepat pada masanya.

- Pastikan butiran keselamatan anda dirahsiakan dan tidak dikongsi dengan sesiapa.

### Ketahui Risiko Anda

1. Had pengeluaran harian bagi imteen-i ialah RM500 **SAHAJA**.
2. Personal Savers-i akan ditutup secara automatik oleh Bank selepas dua (2) bulan baki akaun kekal sifar.
3. Bagi Yippie-i dan imteen-i, jika terdapat lebih daripada satu pengeluaran sebulan dalam tempoh 6 bulan, keuntungan akan menjadi lebih rendah daripada EPR.

### Terma Utama Lain

1. Anda akan menerima penyata akaun tahunan yang memaparkan butiran Akaun Simpanan Komoditi Murabahah (harga jualan, kadar, rebat dan lain-lain).
2. Transaksi Komoditi Murabahah akan dilaksanakan oleh Bank pada Kadar Keuntungan Siling (CPR) dan Pelanggan akan memperoleh keuntungan pada Kadar Keuntungan Efektif (EPR) (Sila rujuk Terma & Syarat Akaun Deposit bagi Perbankan Islam).
3. Setiap produk di bawah CM SA mempunyai kekerapan pembayaran keuntungan yang tersendiri, seperti yang diperincikan di bawah:

Setengah Tahun	Bulanan	Tahunan
Basic Savings Account-i	Premier Account-i	Flexi Savers-i (sehingga tarikh matang)
Savings Account-i		
Yippie-i	Maybank2u Savers-i	
imteen-i		
Personal Savers-i		

4. Deposit permulaan dan baki minimum yang diperlukan bagi setiap produk akaun simpanan adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:

Produk	Deposit Awal	Baki Minimum Akaun
1. Basic Savings Account-i	RM20	RM20
2. Savings Account-i	RM50 (surat pekerjaan) RM250 (lain-lain)	RM1
3. Yippie-i	RM1	RM1
4. imteen-i	RM50	RM1
5. Premier Account-i	RM1	-
6. Maybank2u Savers-i	• RM100 melalui permohonan dalam talian • RM250 melalui cawangan	RM20
7. Personal Savers-i	Tiada deposit awal	RM1
8. Flexi Savers-i	RM50 bagi sumbangan bulanan	Tiada

**Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Akaun Simpanan Komoditi Murabahah, anda boleh:**



Hubungi kami di:  
1-300-88-6688/  
03-78443696



Kunjungi kami di:  
[maybank2u.com.my/  
savingsaccountlistingpage](http://maybank2u.com.my/savingsaccountlistingpage)



Emel kami di:  
[mgcc@maybank.com.my](mailto:mgcc@maybank.com.my)



Imbas kod QR di atas